

Forum Industri Siri ke-2 ini menekankan kepada perkongsian amalan terbaik dan perkongsian pengetahuan serta pengalaman pengurusan perubahan khususnya dalam konteks pelaksanaan, cabaran, dan manfaat pengurusan perubahan kepada pencapaian objektif sesebuah organisasi. Bengkel ini juga telah memberikan peluang kepada para peserta untuk mengenalpasti agen perubahan serta kaedah pelaksanaan perubahan yang berkesan untuk diaplikasikan.

Menurut Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Prof. Madya Dr. Hartini Ahmad, penganjuran forum industri oleh CUIC ini merupakan salah satu platform bagi mengumpulkan peneraju industri di Malaysia serta memberi ruang untuk mereka berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama dengan para pengamal industri lain, pelajar serta staf akademik dari UUM dan IPT lain dari seluruh negara.

"Ini secara langsung dapat memberikan gambaran secara menyeluruh dan keseimbangan pengetahuan berkaitan aspek teori dan aplikasi sebenar di dalam sesebuah organisasi," katanya.

"Kita berharap forum seperti ini dapat mendedahkan para pengamal industri tentang sumbangan akademik yang mana mampu memberi impak positif serta membantu mereka bagi meningkatkan pencapaian aktiviti syarikat sekaligus ke arah mencapai matlamat dan misi seperti yang telah direncanakan," ujar beliau.

Tambahnya lagi, "Inisiatif Universiti seperti Program Ph.D Industri perlu disambut oleh para pengamal industri kerana program ini dapat membantu mereka meningkatkan pencapaian syarikat ke satu tahap yang lebih cemerlang".

"Penganjuran Forum Industri UUM akan kita teruskan pada masa akan datang kerana aktiviti ini dilihat sebagai pendekatan yang baik ke arah meningkatkan serta memantapkan lagi jaringan kerjasama dengan peneraju industri yang secara langsung dapat menjalinkan kerjasama strategik berbentuk akademik dan komersial untuk manfaat bersama di antara UUM dan industri di Malaysia," katanya.

Sementara itu panel pertama, Dr. Johari Jalil berkongsi pengetahuan beliau dengan para peserta akan kepentingan melakukan perubahan dengan menfokuskan beberapa contoh yang telah berlaku di organisasi multinasional khususnya Sony Corporation di mana organisasi tersebut telah menekankan kaedah *Intellectual Intelligence*, tetapi gagal menekankan *Emotional Intelligence* sebagai kaedah berkesan di dalam menangani cabaran perubahan di kalangan pekerja. Contoh-contoh semasa syarikat gergasi lain di dalam dan luar negara turut diberikan, antaranya Shell, ExxonMobil, Malaysia Airlines, Pos Malaysia dan sebagainya.

Beliau merupakan Pengurus besar Unit Perniagaan di Shell Malaysia Berhad dan telah diberi tanggungjawab baru sebagai Naib Presiden bagi menguruskan transformasi besar-besaran. Pengalaman luas beliau di dalam syarikat multinasional seperti Kuwait Finance House, ExxonMobil dan Aseambankers mendedahkan para peserta forum dengan kaedah penggunaan secara efektif rangka kerja pengurusan perubahan dan kecemerlangan operasi.

Manakala Ir. Zaid Yunus, Jurutera Kanan Shell yang merupakan panel kedua forum tersebut telah berkongsi pengalaman sebenar beliau berkaitan proses perubahan secara berstruktur menggunakan kaedah sistematik bagi mengenalpasti pendekatan perubahan akan membawa keputusan terbaik kepada syarikat.

Hampir keseluruhan peserta telah memberikan maklumbalas yang positif terhadap kualiti pembentangan panel jemputan adalah setanding dengan pakar industri antarabangsa. Komen salah seorang peserta, "Dr Johari berjaya menunjukkan bagaimana industri terkemuka melaksanakan perubahan melalui kaedah yang lebih praktikal dan komprehensif".

Forum ini juga turut berjaya mengumpulkan para Alumni *Doctorate in Business Administration* (DBA) UUM yang turut meluangkan masa serta hadir sebagai peserta dan mengadakan perjumpaan bersama Pengarah CUIC bagi membincangkan penubuhan *CUIC - DBA Group Network*. Usaha penubuhan kumpulan jaringan ini dilihat sebagai pendekatan yang efektif dalam membantu UUM khususnya CUIC mencapai objektifnya ke arah menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Disamping itu juga, Pengurus Besar Sumber Manusia Shell Malaysia, Puan Nur Azlina Mohd Yazid yang turut sama menghadiri sesi Forum Industri tersebut telah menyatakan minat dari pihak organisasinya untuk menjalinkan kerjasama dengan UUM khususnya CUIC di dalam beberapa program yang melibatkan kolaborasi di antara dua organisasi tersebut di antaranya ialah *Campus Ambassador Program* dan *Shell Recruitment and Higher Learning Program*.

Forum Industri tersebut tamat pada jam 1.00 petang sebelum diakhiri dengan sesi soal jawab pembentang dengan para peserta sebagai sesi penutup.

Terdahulu CUIC sebelum ini telah menganjurkan Forum Industri Siri 1 pada 27 Mac 2011 yang lalu dengan mengetengahkan Segmen Keusahawanan sebagai tema permbentangan. Sesi Forum Industri berikutnya pula dijangka akan dianjurkan pada September 2011.

Tamat.

=====

CENTRE FOR UNIVERSITY-INDUSTRY COLLABORATION (CUIC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04 - 928 5363

FAX : 04 - 928 5760/5198

WEBSITE: www.cuic.uum.edu.my

"The Gateway To Sustainable University-Industry Collaboration"